

11/01/15 11:01
CNS8892
U GB 10-01 00175 BA886

bah

KONGRES - PENIAGA BUMIPUTERA PERLU BERSAING TANPA PERLINDUNGAN

Kongres - Saing

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Golongan peniaga bumiputera harus mampu bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan tanpa sebarang perlindungan dalam pasaran biasa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, katanya, sebelum matlamat itu dapat dicapai mereka perlu mengenali dan mengakui bahawa mereka mempunyai kelemahan yang perlu diatasi terlebih dahulu.

Masalah utama yang perlu diatasi ialah sikap kurang menyakini bahawa bumiputera boleh berjaya tanpa keistimewaan-keistimewaan tertentu yang disediakan oleh kerajaan, katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

+Tuhan tidak menjadikan bumiputera kurang sempurna daripada manusia lain. Mereka sempurna dan berwibawa. Kelemahan dan kegagalan mereka adalah disebabkan sikap dan pendekatan mereka sendiri. Inilah penyakit yang memerlukan pengakuan mereka,+ tegasnya.

+Selagi mereka tidak sanggup mengenal pasti dan mengakui penyakit-penyakit ini, selama itulah ubat yang tidak tepat akan digunakan atau bukan penyakit sebenar yang diubati tetapi simptomnya sahaja,+ tambah beliau. -- Lagi.

▼10/01/15-16MST
CNS8907
R GB 10-01 00169 BA890

bah

Kongres - Saing 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, usaha seumpama itu perlu diambil kerana walaupun bumiputera boleh berpuas hati dengan pencapaian 20 peratus penyertaan mereka di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB), ia dicatat dalam konteks luar biasa -- keadaan yang sengaja diada-adakan dan bukan dalam konteks ekonomi biasa.

Katanya, kebanyakan pencapaian tersebut adalah hasil peranan badan-badan amanah yang ditubuhkan oleh kerajaan manakala bakinya pula berpunca daripada peluang perniagaan dengan kerajaan yang diberi khusus kepada bumiputera.

+Oleh kerana pencapaian 20 peratus adalah hasil usaha dan iklim yang bukan semula jadi, maka kemampuan bumiputera bersaing dan mengekalkan hak serta bahagian mereka jika iklim biasa dikembalikan adalah disangsi. Bahkan pada pandangan kerajaan hampir semua 20 peratus milik bumiputera ini akan hilang jika perlindungan yang ada sekarang dihapuskan.+

Perdana Menteri juga menyatakan mungkin bumiputera telah mencapai 30 peratus ekuiti seperti matlamat DEB tetapi 10 peratus daripadanya telah dijual balik kepada bukan bumiputera untuk mendapatkan keuntungan cepat. -- Lagi.

▼10/01/15-30MST

R GB 10-01 00164 BA891

bah

Kongres - Saing 3 Kuala Lumpur

Beliau menegaskan pentingnya bumiputera mengakui kelemahan sendiri dan berusaha mengatasinya kerana perlindungan politik yang ada sekarang tidak akan kekal.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh bagaimana seseorang yang menghidap penyakit jantung tidak akan dapat sembuh jika hanya diubati bomoh dengan jampi kerana terlalu yakin bahawa ia +terkena+ dan +dibuat+.

Beliau bagaimanapun kesal dengan sikap sesetengah orang Melayu yang sanggup mengetepikan kepentingan kaum sendiri kerana inginkan tempat tertentu bagi diri sendiri.

Di samping itu, katanya, ada pula jenis orang Melayu yang memandang ringan apa yang ditafsirkan sebagai kejayaan di dunia dan sanggup melemahkan diri sendiri dan kaum Melayu kononnya demi kepentingan perjuangan keislaman mereka.

Beliau berkata pelbagai program untuk meningkatkan kemampuan usahawan bumiputera akan diteruskan di bawah Kementerian Perusahaan Awam, yang diperuntukkan \$805.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam, untuk antara lain meningkatkan motivasi serta membina sikap lebih positif di kalangan mereka sebagai usahawan. -- Lagi.

▼10/01/15-33MST

R GB 10-01 00174 BA892

bah

Kongres - Saing 4 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan boleh terus dipersalahkan atau diminta supaya giat dan lebih banyak berusaha untuk membantu bumiputera.

+Tetapi dapatkah kita meyakinkan diri bahawa masalah kegagalan Bumiputera boleh diatasi hanya melalui tindakan kerajaan? Tidakkah ada apa-apa yang boleh dan patut dibuat oleh bumiputera sendiri? Tidakkah ada apa-apa kelemahan di sisi bumiputera sendiri yang menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan segala yang diperuntukkan kepada mereka?+

Beliau berkata antara sikap yang harus dikikis oleh bumiputera ialah untuk cepat kaya tanpa risiko dan sikap ini berleluasa kerana mereka sanggup merelakan kaum lain menggunakan nama mereka dalam pembelian saham yang dikhaskan untuk mereka atau mendapatkan lesen dan permit.

Jika sikap ini berterusan, kejahilan bumiputera dalam pengurusan perniagaan akan kekal, kata beliau.

Katanya, terdapat negara yang menukar kerajaan atau Perdana Menteri apabila prestasi ekonomi merosot mungkin disebabkan oleh kerajaan atau Perdana Menteri, tetapi jika ia berlaku kerana kelemahan dan sikap rakyat, pertukaran itu tidak akan berjaya memulihkan prestasi negara. -- Lagi.

▼10/01/15-36MST

bah

Kongres - Saing 5 Kuala Lumpur

Mengenai kekurangan modal, yang sering kali ditimbulkan oleh bumiputera, beliau berkata hanya satu sahaja cara mengatasinya iaitu dengan menyesuaikan perniagaan dengan modal dan bukan sebaliknya.

Mengenai penswastaan, beliau berkata memandangkan kelemahan bumiputera, ada kemungkinan proses itu akan menambah bahagian bukan bumiputera dan menjejaskan pencapaian DEB.

Tetapi daripada penswastaan banyak peluang dan pengalaman dalam bidang pengurusan dan perniagaan telah diperolehi oleh bumiputera dan mereka telah membuktikan kebolehan di samping menolong mewngenal pasti mereka yang boleh menjadi anggota Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), katanya.

Justeru itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan akan meneruskan proses penswastaan yang jelas membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kerajaan tidak mampu menanggung beban pembiayaan kemudahan awam yang selalu rugi.

+Kekhuatiran terhadap penswastaan dalam usaha mencapai matlamat DPN tidak harus ada. Pandangan yang positif hendaklah ditunjuk oleh bumiputera dan mereka harus mencari peranan dan peluang dalam proses penswastaan untuk menjayakan lagi DPN,+ kata beliau. -- Bernama.

♥10/01/15-55MST